



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**PERHIMPUNAN BANDARAYA BIL. 2/2021  
SECARA VIRTUAL**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**16 OGOS 2021 (ISNIN)  
8.55 PAGI**

**DEWAN KENANGA  
MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berbahagia Datin Hajah Che Limah Binti Hj. Ujang**  
Pengerusi PUSPANITA MBSP

**Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin**  
Pengerusi ANULAE Seberang Perai

**Encik Mat Nasir bin Hassan**  
Naib Yang Dipertua PESUKA

**Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff**  
Yang Dipertua PERMAI

**Puan Latifah binti Razali**  
Pengerusi KOSPEMA

**Seluruh kakitangan dan Wira Orange yang saya kasihi**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Marilah kita mulai dengan membaca doa memohon wira dan wirawati yang telah gugur semasa perkhidmatan disebabkan jangkitan Covid19 dihimpun bersama kumpulan orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Mereka adalah Allahyarham Mat Rodzi bin Mat Isa, Pembantu Awam, Allahyarham Mohd Ridzuan bin Zulkiphli, Pembantu Awam, dan Allahyarhamah Salemah binti Ayob, Penolong Pegawai Tadbir.

Terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai kanan serta semua pemimpin persatuan MBSP dan kakitangan MBSP serta Wira Orange yang saya kasihi. Tahun 2021 merupakan tahun yang penuh cabaran, Pandemik Covid-19 masih belum reda malahan, kes baharu meningkat seban hari. Pada tanggal 14 Ogos 2021, jumlah kes baharu adalah 20,670, dengan kes kematian baharu 260, manakala bagi Negeri Pulau Pinang, jumlah kes baharu adalah 1,251. Hampir keseluruhan Seberang Perai berada dalam zon merah kecuali Pulau Aman masih kekal zon hijau.

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnian Nya, kita masih bersama meneruskan satu perjuangan yang masih

belum terhenti bagi mencapai Seberang Perai bebas daripada Covid-19. Terima kasih kepada semua wira barisan hadapan yang terdiri daripada Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai Kanan, Wira Oren dan semua kakitangan MBSP yang selama ini telah banyak berkorban masa, tenaga, mental dan emosi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan semenjak dari 18 Mac 2020. Saya berdoa agar kita semua diberi kesihatan yang baik dan sentiasa dilindungi Allah SWT.

**Ahli-Ahli Majlis, Saudara dan Saudari yang dihormati sekalian,**

Situasi jangkitan Covid-19 yang melibatkan kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) semakin membimbangkan. Sehingga 14 Ogos 2021, terdapat 100 kes aktif, 109 kes telah sembuh dan 3 kematian. Penilaian dan Penentuan Risiko telah dibuat berdasarkan enam (6) kriteria:

- i. Kadar Peningkatan Kes Baharu. Data-data jangkitan menunjukkan peningkatan kes baharu secara mendadak mulai 5 Ogos 2021 di antara 10 hingga 15 kes baharu sehari;

- ii. Taburan kes positif. Menunjukkan 100 kes aktif bukanlah dari satu lokasi sebaliknya dari 12 lokasi iaitu Menara Bandaraya, Tapak Semaian SPU, Tapak Semaian SPS, Pejabat Cawangan Jalan Betek, Rumah Pam Perai dan tujuh (7) depo pembersihan SPU dan SPT;
- iii. Kepadatan Tempat Bertugas sama ada ruang kerja, kenderaan yang digunakan atau dalam pasar awam;
- iv. Perkongsian peralatan kerja;
- v. Pembersihan rutin secara kendiri seperti membudayakan penggunaan sanitizer ke atas peralatan yang digunakan;
- vi. Budaya berkumpul terutamanya pekerja dilapangan, malahan kadang kala tidak mengamalkan penjarakan fizikal.

Berdasarkan kriteria Penilaian dan Penentuan Risiko, Datuk Bandar telah mengaktifkan pelan kontigensi pada 10 Ogos 2021, yang mengandungi lapan belas (18) tindakan bagi mengurangkan risiko

jangkitan, menjaga keselamatan serta kesihatan pekerja serta memastikan perkhidmatan kepada rakyat tidak terjejas.

- I. Pelan Kontingensi Pembersihan - Keutamaan adalah untuk melaksanakan tugas-tugas PPS (Perkhidmatan Pungutan Sampah) tanpa gangguan. Manakala tugas KPA (Kerja-Kerja pembersihan am) seperti pemotongan rumput, cucian longkang dikurangkan ke 21 hari atau 30 hari mengikut lokasi, pemotongan rumput di Jalan Persekutuan ditangguhkan pelaksanaannya (pemotongan rumput jalan persekutuan adalah tugas JKR dan MBSP hanya membantu).
- II. Plan Kontingensi Penguatkuasaan dilapangan di perlakukan ketahap 50%, tumpuan diberikan kepada pematuhan Covid-19, kacau gangu dan halangan.
- III. Plan Kontingensi Perkhidmatan Kaunter. Perkhidmatan terhad kepada pengunjung yang telah membuat janji temu, dengan itu hanya empat (4) kaunter dibuka dan kehadiran staf kaunter dapat dikurangkan sebanyak 50%.

- IV. Mengaktifkan Sudut *Cyber Counter*. Pelanggan kaunter yang tidak membuat janji temu akan diberi tunjuk ajar untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan di Sudut *Cyber Counter* dan bagi mereka yang hanya ingin membuat bayaran samada cukai pintu, sewa gerai atau kompaun akan dipandu untuk mengguna empat (4) kiosk yang disediakan di lobi kaunter berpusat.
- V. *Cyber counter* dengan 100 perkhidmatan disediakan. Datuk Bandar telah mengadakan beberapa kali tutorial dalam media FB, *Youtube*, *Instagram* supaya bahan siaran ini menjadi rujukan kepada pelanggan yang ingin berurusan di *Cyber Counter*. Peningkatan penggunaan telah mencapai 67% berbanding 52% pada tahun 2020.
- VI. Nisbah Keberadaan di pejabat 20% dan Bekerja Dari Rumah (BDR) 80%, bagi tugas-tugas *non-essential*.
- VII. Keberadaan 100% wira orange yang bertugas bagi tugas-tugas *essential* kecuali Wira Orange yang telah dikuarantin, kontak rapat dan *Person Under Investigation* (PUI).

- VIII. *Roll call* secara fizikal tidak dibenarkan untuk mengelakkan perhimpunan.
- IX. Wira orange PPS bergerak dengan motosikal sendiri mengikut lori *compactor* untuk mengelakkan kesesakan dalam kenderaan.
- X. Semua mesyuarat diadakan di atas talian dan tempoh masa mesyuarat tidak melebihi satu(1) jam.
- XI. *Swab test* segera dilakukan ke atas kontak rapat dan kos ditanggung oleh MBSP sepenuhnya.
- XII. Mengaktifkan *Help Desk* untuk membantu pelanggan yang menggunakan perkhidmatan yang disediakan di atas talian.
- XIII. Pemberian Sumbangan Kepada Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai yang positif Covid-19 bernilai RM150.00 seorang. Ketua-Ketua Jabatan atau penyelia perlulah mengambil berat dan sering berkomunikasi dengan pekerja yang positif Covid-19 atau keluarga mereka bagi menentukan apa sahaja bantuan keperluan asas yang diperlukan. Saya akan

memberi kelulusan serta merta bagi membantu untuk mengurangkan beban kakitangan yang positif Covid-19.

XIV. Meminta kerjasama persatuan yang ada dibawah naungan MBSP seperti PUSPANITA, PESUKA, PERMAI, ANULAE dan KOSPEMA untuk membantu ahli mereka dalam kesusahan. Di samping itu usaha-usaha juga di buat oleh rakan-rakan sekerja mengumpul dana secara sukarela untuk membantu rakan-rakan mereka yang ditimpa musibah. Saya merasa terharu di atas ikatan ukhuwah tanpa mengira agama dan bangsa yang ditunjukkan oleh warga MBSP.

XV. Memohon supaya vaksinasi warga kerja MBSP dipercepatkan. Scenario buruk akan berlaku, jika peningkatan jangkitan kes baharu dikalangan warga kerja MBSP terus meningkat menyebabkan keseluruhan perkhidmatan munisipal akan runtuh, sudah tentu akan membawa kepada implikasi sosial dan kesihatan yang lebih buruk. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk melafazkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dan YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang, yang telah menyokong kuat usaha ini. Alhamdulillah sehingga 14 Ogos,

2,989 pekerja atau 74% daripada 3,996 warga kerja MBSP telah divaksin berbanding hanya 23% sahaja daripada warga kerja divaksinkan pada awal Ogos 2021, manakala 95 pekerja lagi telah pun mendapat tarikh untuk divaksinasi. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga kerja yang memberi kerjasama meningkatkan pendaftaran dalam MySejahtera untuk mendapatkan vaksin. Bilangan yang belum mendaftar hanyalah 25 orang berbanding 800 orang pada awal Ogos.

XVI. Program Vaksin Peniaga Seberang Perai. Kajian Penilaian dan Penentuan Risiko telah mendapati, pasar adalah kawasan berisiko tinggi jangkitan Covid-19. Alhamdulillah, senarai yang mengandungi 1,353 peniaga telah diterima oleh KKM untuk divaksinkan secara berperingkat, kumpulan pertama peniaga akan divaksinkan pada 16 Ogos 2021, iaitu hari ini (Isnin). Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Bahagian Kesihatan Awam JKN Pulau Pinang.

XVII. Sanitasi seluruh bangunan setiap minggu, manakala tempat yang sering disentuh akan disanitisikan setiap jam.

XVIII. Penutupan tujuh (7) buah Pasar Awam dan satu(1) kompleks penjaja MBSP bagi menyekat jangkitan baharu. Tiga (3) buah pasar awam di SPU iaitu Pasar Awam Kepala Batas (masih ditutup dari 13 Ogos hingga 22 Ogos), Pasar Awam Bagan Ajam, Pasar Awam Mak Mandin dan satu(1) Kompleks Penjaja Jalan Bunga Raya serta Pasar Pagi Apollo telah ditutup. Manakala empat (4) buah pasar awam di SPT yang ditutup iaitu Pasar Awam BM (tutup 2 kali dan baru dibuka semula 14 Ogos 2021), Pasar Awam Tmn Seri Rambai, Pasar Awam Seberang Jaya, Pasar Awam Taman Chai Leng Park

**Ahli-Ahli Majlis, Saudara dan Saudari yang dihormati sekalian,**

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang Tahun 2021 sempena Hari Ulang Tahun Kelahiran Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kepada Ahli Majlis dan 12 kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai. Ini merupakan satu pengiktirafan di atas hasil usaha dan dedikasi tuan-tuan dan puan-puan yang telah dicurahkan kepada rakyat.

Saya berharap agar Komuniti Seberang Perai dan Warga Kerja MBSP jangan gusar, keluh kesah dan panik. Tindakan-tindakan yang diambil adalah untuk memastikan Seberang Perai resilient dan berdaya tahan menghadapi pandemik. Patuhi arahan pengurusan dan norma baharu bekerja dari rumah. Kita perlu lebih kreatif dan proaktif dalam merangka setiap inisiatif dan program supaya penduduk Seberang Perai mendapat manfaat daripadanya terutama kepada golongan B40. Ramai yang terjejas dan kita sebagai PBT perlu mencari jalan membantu dan memudahkan rakyat ketika saat semua dalam kesusahan ini. Saya berharap agar kita sebagai warga MBSP dapat menjalankan amanah dengan sebaiknya dan dengan penuh dedikasi.

***Sekian,***

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***

***Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.***